

Bil. S 11

**AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG
(Panggal 1)**

PERINTAH PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG BIL. 2 TAHUN 2022

SUSUNAN PERENGKAN-PERENGKAN

Perenggan

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
2. Pengeluaran dan penggantian muka surat

JADUAL — PENGELUARAN DARI DAN PEMASUKAN DALAM
UNDANG-UNDANG

**AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG
(Penggal 1)**

PERINTAH PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG BIL. 2 TAHUN 2022

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 5(1) dan (2) dari Akta Penyemakan Undang-Undang, maka Peguam Negara dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Penyemakan Undang-Undang Bil. 2 tahun 2022 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada tarikh Perintah ini dibuat.

Pengeluaran dan penggantian muka surat

2. (1) Pengeluaran dari Undang-Undang adalah dengan ini diarahkan bagi muka surat-muka surat yang dinyatakan dalam ruang ketiga Bahagian A Jadual di bawah ini merujuk kepada undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam ruang-ruang pertama dan kedua dan tertera di muka surat depannya atau di muka surat sebelahnya tulisan yang dinyatakan dalam ruang keempat.

(2) Pemasukan dalam Undang-Undang adalah dengan ini dibenarkan, bagi menggantikan muka surat-muka surat yang diarahkan untuk dikeluarkan di bawah perenggan kecil (1), bagi muka surat-muka surat yang dinyatakan dalam ruang ketiga Bahagian B Jadual dan tertera di muka surat depannya atau di muka surat sebelahnya tulisan yang dinyatakan dalam ruang keempat, merujuk kepada undang-undang bertulis yang disebut dalam ruang-ruang pertama dan kedua.

JADUAL
(perenggan 2)

PENGELUARAN DARI DAN PEMASUKAN DALAM UNDANG-UNDANG

BAHAGIAN A

<i>Penggal</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Muka surat</i>	<i>Tulisan</i>
PERLEMBAGAAN I	Perlembagaan Negara Brunei Darussalam	1 hingga 80	B.L.R.O. 2/2011
PERLEMBAGAAN II	Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959	1 hingga 44	B.L.R.O. 2/2011.

BAHAGIAN B

<i>Penggal</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Muka surat</i>	<i>Tulisan</i>
PERLEMBAGAAN I	Perlembagaan Negara Brunei Darussalam	1 hingga 72	B.L.R.O. 2/2022
PERLEMBAGAAN II	Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959	1 hingga 44	B.L.R.O. 2/2022.

Diperbuat pada hari ini 5 haribulan Muharram, Tahun Hijrah 1444
bersamaan dengan 3 haribulan Ogos, 2022.

**DATO SERI PADUKA AWANG HAJI AHMAD BIN PEHIN ORANG KAYA
LAILA SETIA BAKTI DI-RAJA DATO LAILA UTAMA HAJI AWANG ISA
Peguam Negara.**